

HUBUNGAN KECERDASAN EMOSI DENGAN TEKANAN PELAJAR MENGHADAPI PEMBELAJARAN SECARA ATAS TALIAN SEMASA PANDEMIK WABAK COVID-19

Suzyliana Mamat*

Fakulti Sains Sosial, Universiti Melaka,
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

Atini Alias

Fakulti Sains Sosial, Universiti Melaka,
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

Norhasima Abdullah

Fakulti Sains Sosial, Universiti Melaka,
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

Wan Norhayati Wan Othman

Universiti Putra Malaysia,
43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

Siti Aishah Yahya

Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor Malaysia

**Corresponding Author's Email: suzyliana@unimel.edu.my*

Article history:

Received : 4 Mei 2023

Accepted : 22 Jun 2023

Published : 29 September 2023

ABSTRAK

Pada tahun 2020, seluruh dunia digemparkan dengan wabak COVID--19. Penyebaran wabak ini menyebabkan segala perhubungan tergendala secara bersempena. Manusia mula berhubung secara atas talian termasuklah aktiviti pembelajaran. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan kecerdasan emosi dengan tekanan pelajar menghadapi pembelajaran secara atas talian semasa pandemik wabak COVID-19. Sampel kajian terdiri daripada 110 orang pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) di sekitar Alor Gajah, Melaka dengan menggunakan teknik pensampelan mudah di mana keseluruhan populasi yang terlibat mempunyai peluang yang sama sebagai responden. Pengumpulan data adalah menggunakan aplikasi perisian komputer iaitu *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)*. Hasil analisis data adalah dalam bentuk deskriptif dan inferensi. Set soal selidik terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian A Faktor Demografi, bahagian B Soal Selidik Kecerdasan Emosi dan bahagian C Soal Selidik Tekanan.

Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan tekanan dalam kalangan pelajar iaitu nilai $r = -.434$, $k < .05$. Selain itu, terdapat perbezaan yang signifikan kecerdasan emosi mengikut tempat tinggal pelajar. Nilai t bagi kecerdasan emosi adalah $t(108) = 2.061$, $k < .05$. Nilai ini menunjukkan perbezaan di antara pelajar bandar lebih tinggi berbanding pelajar luar bandar. Maka, hipotesis diterima. Implikasi daripada kajian ini adalah dapat memberi impak kepada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam memantapkan lagi pembelajaran dan pengajaran secara atas talian dengan mengambil kira keadaan kesejahteraan psikologi pelajar. Selain itu, hasil kajian ini diharap dapat memberi manfaat dalam masyarakat terutama ibu bapa yang dapat memahami kesan kepada psikologi anak-anak dalam berhadapan dengan pembelajaran secara atas talian.

Kata kunci: Tekanan; Kecerdasan Emosi; Covid- 19

THE RELATIONSHIP BETWEEN EMOTIONAL INTELLIGENCE AND THE STRESS OF STUDENTS FACING ONLINE LEARNING DURING THE COVID--19 PANDEMIC

ABSTRACT

In 2020, the whole world was shaken by epidemic of Covid-19. This spread of epidemic cause all face-to-face communication to be disrupted. People started to communicate online including learning activities. Therefore, this study aims to examine the relationship between emotional intelligence and the stress of students facing online learning during the Covid-19 pandemic. The study sample consisted of 110 students from Institutes of Higher Education (IPT) around Alor Gajah, Melaka by using a simple sampling technique where the whole the population involved has the same opportunity as a respondent. Data collection is using computer software applications namely Statistical Package for Social Sciences (SPSS) to analyze statistical data. The results of data analysis are descriptive and inferential. The questionnaire is divided into three parts, namely part A Demographic Factors, part B Emotional Intelligence Questionnaire and part C Stress Questionnaire. The results of the study show that there is a significant relationship between emotional intelligence and stress among students, the value of which is $r = -.434$, $k < .05$. In addition, there is a significant difference in emotional intelligence according to where students live. The t value for emotional intelligence is $t(108) = 2.061$, $k < .05$. The mean value shows the difference between urban students is higher than rural students. So, the hypothesis is accepted. The implications of this study are can have an impact on Higher Education Institutions (HEIs) in strengthening online learning and teaching by taking into account the state of psychological well-being of students. In addition, the results of this study are expected to benefit society, especially parents who can understand the impact on children's psychology in dealing with online learning.

Keywords: *Stress; Intelligence; Covid-19*

PENGENALAN

Dunia telah berubah secara mendadak sejak berlakunya wabak Covid-19 pada Januari 2020. Krisis yang jarang berlaku ini telah mengakibatkan sejumlah besar nyawa manusia hilang secara tragis di peringkat global. Kebanyakan negara menerapkan kaedah kuarantin dan mempraktikkan penjarakan sosial yang diperlukan untuk memutuskan rantaian Covid-19, dunia mengalami suatu tempoh Penyekatan Besar Besaran (*Lockdown*) dan hal ini memberikan impak yang besar termasuklah dalam bidang akademik.

Penyekatan besar besaran ini merubah rutin harian manusia, termasuk pelajar di seluruh institusi. Disebabkan krisis ini adalah berbahaya, sekolah juga terpaksa ditutup pada tempoh yang agak lama untuk menyekat wabak ini dari terus merebak. Fasa pembelajaran secara atas talian pun bermula dan keadaan ini merupakan satu fenomena yang baru. Pembelajaran secara atas talian merujuk kepada satu pengalaman dalam bidang pembelajaran dan ianya adalah satu kaedah dalam penggunaan teknologi (Benson, 2002). Menurut Conrad (2002), pembelajaran secara atas talian adalah peruntukan dalam Pendidikan bagi kemudahan pelajar adalah tidak konvensional dan kurang diwakili dalam kalangan persekitaran yang tradisional.

Tekanan yang membawa kepada perubahan emosi merupakan krisis utama dalam pembangunan diri manusia. Hal ini kerana, emosi menjadikan manifestasi terhadap kesejahteraan sendiri manusia dan juga mempengaruhi keputusan dan tindakan seseorang dalam kehidupan. (Noor Afzaliza, 2022). Kecerdasan emosi merupakan keupayaan seseorang individu untuk menyatakan, mengenali, melihat, menggunakan dan mengurus emosinya sendiri atau emosi orang lain (Matthews et al., 2017). Selari dengan, Feldman dan Mulle (2009) pula mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai kebolehan seseorang individu menggunakan emosinya dengan bijak untuk meningkatkan prestasi dan mencapai komunikasi yang berkesan dengan individu lain.

Selain daripada negara berhadapan dengan pandemic Covid-19, negara juga turut berhadapan dengan pertambahan angka statistik individu yang mempunyai masalah tekanan emosi. Jika dirujuk kepada Laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (2019), hampir setengah juta rakyat Malaysia (2.3%) dalam kalangan dewasa mengalami simptom tekanan. Isu tekanan dalam kalangan pelajar merupakan isu yang kritikal kerana tekanan yang dihadapi oleh pelajar akan menyebabkan kepada masalah psikologikal dan terlibat dalam masalah pembelajaran. Sanjeev dan Bhukar (2013). Tekanan dalam konteks model transactional pula menyatakan interaksi antara individu dengan persekitaran. Lazarus (1966) menjelaskan tekanan adalah situasi perasaan yang menjadi penyebab apabila individu secara peribadinya dan kehabisan sumber sosial.

Justeru, sekiranya individu atau masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat dan mempunyai kemahiran yang baik dari aspek psikologikal, seperti pandai mengurus diri, mengurus emosi, ia merupakan aspek yang sangat penting bagi menjamin kesihatan individu untuk mengurangkan tekanan disebabkan oleh pandemik yang berlaku

PERNYATAAN MASALAH

Apabila negara dilanda dengan wabak Covid-19 semua sektor turut terjejas seperti ekonomi, pelancongan, perindustrian dan sebagainya. Begitu juga dengan sektor pendidikan yang mana kaedah pengajaran dan pembelajaran terpaksa diubah daripada kaedah bersemuka kepada pengajaran dan pembelajaran atas talian atau alam maya samada di peringkat sekolah dan termasuklah di peringkat Institut Pengajian Tinggi. Pelajar yang melalui sesi pembelajaran secara atas talian boleh menimbulkan tindakan balas psikologi iaitu tekanan atau pun stress dalam menghadapi cabaran pembelajaran secara atas talian tersebut. Menurut Prof. Datin Dr. Sherina Mohd Sidik, Pakar Perunding Perubatan Keluarga, Universiti Putra Malaysia dalam artikelnya menyatakan ada di antara mereka yang mengalami tekanan dan berisiko menghadapi masalah kesihatan mental sekiranya tidak ditangani dengan baik. Mereka perlu dibantu melalui amalan gaya hidup sihat dan khidmat konsultasi kesihatan mental sekiranya perlu (Portal Pusat Sumber Dan Pendidikan Kanser (CARE) UPM, 2020).

Tekanan yang berlaku kepada pelajar juga turut mempengaruhi kecerdasan emosi mereka. Kajian yang telah dilakukan oleh Joseph Ciarrochi. etc. (2002) yang bertujuan untuk melihat samada kecerdasan emosi menyumbang dalam memahami hubungan di antara stress dan tiga pembolehubah kesihatan mental yang utama iaitu depression, hopelessness dan suicidal ideation. Responden yang terlibat adalah dalam kalangan pelajar universiti seramai 232 orang pelajar perempuan dan 70 orang pelajar lelaki. Dari kajian ini mendapati kecerdasan emosi adalah penting dalam memahami hubungan diantara stress dan kesihatan mental. Oleh itu, pengkaji sangat berminat untuk mengenalpasti hubungan kecerdasan emosi dengan tekanan dalam kalangan pelajar menghadapi pembelajaran secara atas talian semasa pandemik wabak Covid-19.

OBJEKTIF KAJIAN

Dalam kajian ini memfokuskan kepada tiga objektif, iaitu:

- i. Menenalpasti hubungan kecerdasan emosi dengan tekanan dalam kalangan pelajar menghadapi pembelajaran secara atas talian semasa pandemik wabak COVID- 19.
- ii. Menenalpasti perbezaan tahap kecerdasan emosi berdasarkan tempat tinggal pelajar.
- iii. Menenalpasti perbezaan tahap tekanan berdasarkan Institut Pengajian Tinggi (IPT) pelajar.

HIPOTESIS KAJIAN

Dalam kajian ini memfokuskan kepada tiga hipotesis, iaitu:

- i. Terdapat hubungan kecerdasan emosi dengan tekanan dalam kalangan pelajar menghadapi pembelajaran secara atas talian semasa pandemik wabak COVID- 19.

- ii. Terdapat perbezaan tahap kecerdasan emosi berdasarkan tempat tinggal pelajar.
- iii. Terdapat perbezaan tahap tekanan berdasarkan Institut Pengajian Tinggi (IPT) pelajar.

KAJIAN LEPAS

Dalam kajian pengkaji yang lepas telah dapat dikenalpasti daripada kajian-kajian dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran secara atas talian terutama bagi melihat hubungan kecerdasan emosi dengan tekanan dalam kalangan pelajar menghadapi pembelajaran secara atas talian. Menurut Chandra (2020), kecerdasan emosi akan membantu pelajar dalam mengekalkan pemikiran kemurungan mereka dan menjauhkan mereka daripada kebosanan semasa persekolahan dalam talian. Pelajar akan mengalami tekanan dan ketakutan terhadap kegagalan akademik akibat perubahan mendadak dalam persekitaran pengajian mereka. Keupayaan untuk mengenali emosi sendiri membantu pelajar dalam menghadapi akibat negatif daripada situasi pandemik (Chandra, 2020). Ini menunjukkan kecerdasan emosi yang baik dapat membantu individu menghadapi tekanan dan dapat mengawal situasi yang berlaku akibat perubahan dalam persekitaran pembelajaran mereka.

Selain itu, menurut Daulay dan Mirwan (2021), pembelajaran dalam talian telah memberi kesan negatif terhadap prestasi akademik sesetengah pelajar. Menurut penemuan mereka, pelajar yang menggunakan pembelajaran dalam talian mengalami tekanan akademik tahap sederhana hingga tinggi. Tekanan akademik dan kecerdasan emosi mempunyai hubungan yang positif, menurut penyelidikan. Tekanan akademik pelajar berkurangan ke tahap yang lebih tinggi apabila kecerdasan emosi mereka lebih tinggi. Perkembangan kecerdasan emosi akan membolehkan pelajar mempunyai kawalan yang lebih baik terhadap emosi mereka, yang akan membolehkan mereka tidak mudah hilang kawalan terhadap emosi mereka dan lebih berupaya untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu semasa mereka maju melalui sekolah (Daulay & Mirwan, 2021). Dengan ini, pembelajaran dalam talian boleh memberi kesan kepada prestasi akademik akibat tekanan yang dihadapi oleh individu yang dipengaruhi oleh kecerdasan emosi.

Berdasarkan kajian tentang gaya pembelajaran yang memfokuskan kepada pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka menunjukkan penemuan ini setanding dengan penyelidikan Stankovska et al (2018). Menurut dapatan kajian, kecerdasan emosi didapati mempunyai kaitan dengan kebimbangan peperiksaan dan tekanan akademik yang dialami oleh pelajar universiti, serta pencapaian akademik yang dicapai oleh individu tersebut di dalam bilik darjah. Kecerdasan emosi dapat membantu pelajar dalam mengekspresikan diri mereka secara emosi. Salah satu cara untuk mengurangkan tekanan dan kebimbangan adalah melalui ekspresi emosi. Pelajar akan mendapat manfaat daripada mengurangkan tekanan dan kebimbangan kerana mereka akan kurang tertekan oleh emosi mereka (Stankovska et al., 2018). Selain itu, kecerdasan emosi yang tinggi akan mempunyai persepsi tekanan yang lebih rendah. Ini kerana kecerdasan emosi yang tinggi akan dikaitkan dengan daya tindak adaptif (Enns et al., 2018). Dalam kajian ini, menunjukkan kecerdasan emosi sangat penting kerana boleh mempengaruhi kebimbangan dan tekanan dalam diri

individu serta dapat membantu individu mengawal emosi semasa menghadapi perubahan situasi yang berlaku disekelilingnya.

Berdasarkan kajian oleh Ferlis B. Bullare @ Bahari et al (2009) bertujuan mengkaji sumber stres, strategi daya tindak dan stres yang dialami pelajar sebuah universiti di Kota Kinabalu, Sabah. Secara khususnya, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti hubungan antara sumber stres dan stres yang dialami pelajar universiti. Selain itu, dalam kajian Muhammad Wafi Ramli & Sharifah Rohayah Sheikh Dawood (2020), isu tekanan dalam kalangan pelajar universiti bukan sesuatu perkara yang baru dan ia mencetuskan kebimbangan pelbagai pihak. Makalah ini bertujuan untuk mengkaji faktor tekanan dalam kalangan pelajar Universiti Sains Malaysia (USM) dari aspek pembelajaran, kewangan dan peribadi. Kajian ini dirujuk penting kepada masyarakat terutama ibu bapa dan pihak universiti agar lebih peka dengan isu tekanan dalam kalangan pelajar demi kesejahteraan kesihatan mental mereka. Dengan itu, berdasarkan kajian ini faktor tekanan menjadi satu masalah yang boleh memberi kesan kepada individu terutamanya para pelajar.

Perkaitan antara kecerdasan emosi, kebimbangan sosial, dan tekanan juga ditemui oleh Cejudo et al (2018) dalam responden remaja. Menurut kajian, kecerdasan emosi pelajar memberi kesan kepada kesejahteraan keseluruhan mereka. Tahap kecerdasan emosi yang tinggi akan dikaitkan dengan tahap kesejahteraan yang tinggi. Pelajar akan mendapat manfaat daripada peningkatan kesejahteraan dari segi mengekalkan tahap kebahagiaan dan tekanan mereka. Tambahan pula, pelajar yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi akan lebih memahami orang dan mengembangkan kebolehan hubungan interpersonal yang lebih kukuh (Cejudo et al., 2018). Onen dan Ulusoy (2015) juga menyatakan bahawa pelajar kecerdasan emosi yang tinggi akan mempunyai sikap belajar yang lebih baik yang akan membantu mereka dalam mengekalkan kesihatan mental yang baik. Ini menunjukkan kecerdasan emosi yang tinggi membantu memberi kestabilan kepada kesejahteraan emosi seseorang akibat kebimbangan dan tekanan yang dihadapi.

Kecerdasan emosi menunjukkan kesan positif terhadap prestasi akademik (Iqbal et al., 2021). Sub-dimensi kecerdasan emosi seperti regulasi sendiri, kesedaran sendiri dan kemahiran sosial merupakan pengantara prestasi akademik. Kesedaran pelajar membolehkan mereka lebih memahami keadaan emosi mereka, yang membolehkan mereka mewujudkan hubungan yang lebih kukuh dengan orang lain dan terus meningkatkan prestasi akademik mereka dari semasa ke semasa (Iqbal et al., 2021). Keupayaan pelajar untuk mengawal emosi mereka dalam keadaan sukar dikaitkan dengan peningkatan pencapaian akademik. Regulasi sendiri ialah kualiti emosi yang membantu pelajar mengawal emosi mereka dan menyesuaikan secara konstruktif dalam situasi yang mencabar (Iqbal et al., 2021).

Kajian yang dilakukan oleh Andang Andaiyani Binti Ahmad (2020) hanya memfokuskan kepada sekolah menengah iaitu kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti hubungan dan pengaruh kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual dan persekitaran keluarga terhadap stres akademik murid sekolah menengah luar bandar sekolah bahagian Tawau di Negeri Sabah. Dalam kajian ini mencadangkan, kajian lanjutan ini perlu dilakukan di peringkat sekolah rendah dan matrikulasi agar kita dapat melihat tahap dan faktor yang mempengaruhi stres akademik murid sekolah

rendah dan matrikulasi. Oleh itu kajian ini menunjukkan, kajian yang mendalam perlu dilakukan bagi memfokuskan kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi untuk mengenalpasti hubungan kecerdasan emosi dengan tekanan belajar.

METODOLOGI

Rekabentuk kajian adalah kajian berbentuk tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Teknik pensampelan yang dilakukan ialah dengan menggunakan teknik pensampelan rawak mudah di mana keseluruhan populasi yang terlibat mempunyai peluang yang sama sebagai responden. Sampel kajian terdiri daripada 110 orang pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) di sekitar Alor Gajah, Melaka. Pengumpulan data adalah menggunakan aplikasi perisian komputer iaitu *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* untuk menganalisis data statistik. Set soal selidik ini diedarkan dalam bentuk *google form* kepada responden. Hasil analisis data adalah dalam bentuk deskriptif dan inferensi. Set soal selidik terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian A Faktor Demografi, bahagian B Soal Selidik Kecerdasan Emosi dan bahagian C Soal Selidik Tekanan. Bahagian A mengandungi enam soalan berkaitan dengan jantina, umur, tempat tinggal, tahun pengajian, tempat pengajian dan peringkat pengajian. Bahagian B mengandungi 33 soalan yang menggunakan pemarkatan 5 skala likert dan begitu juga dengan bahagian C mengandungi 21 soalan yang menggunakan pemarkatan 4 skala likert.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan data yang dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Keputusan kajian yang dibincangkan ini merangkumi bahagian demografi responden, kecerdasan emosi dan tekanan.

Analisis Deskriptif

Dalam kajian ini, seramai 110 orang responden yang terlibat. Majoriti responden yang terlibat adalah perempuan iaitu seramai 88 orang (80%) manakala responden lelaki seramai 22 orang (20%). Berdasarkan demografi tempat tinggal pula, kedua-dua tempat tinggal adalah sama iaitu 55 (50%) orang pelajar tinggal di bandar dan 55 (50%) tinggal di luar bandar.

Bagi jenis Institut Pengajian Tinggi (IPT) pula terdiri daripada Universiti Awam (UA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Seramai 46 orang (41.8%) responden adalah daripada pelajar Universiti Awam manakala seramai 64 orang (58.2%) adalah daripada pelajar IPTS. Majoriti responden adalah yang berumur 19 hingga 21 tahun iaitu seramai 55 orang (50%). Manakala responden yang berumur 22 hingga 24 tahun adalah seramai 49 orang (44.5%). Hanya 6 orang (5.5%) sahaja responden yang berumur 25 tahun ke atas.

Tidak terdapat kajian-kajian lepas yang mengkaji dan memfokuskan kepada latar belakang golongan pelajar yang lebih memfokuskan kepada pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT), Universiti Awam (UA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) terutamanya ketika Pendemik COVID--19. Namun terdapat hasil

daripada sebuah lagi kajian mengenai stres pelajar dijalankan pada awal tahun ini yang melibatkan pelajar semester 1 hingga 5 semasa Disember 2020 di Politeknik Kota Kinabalu, Sabah. Kajian tersebut mendapati bahawa tahap stres pelajar di sana adalah rendah. Walau bagaimana pun, pengkaji menyimpulkan bahawa tahap stres yang rendah ini mempunyai hubungan dengan kemudahan pembelajaran serta keselesaan hidup pelajar yang tinggi di rumah pada waktu tersebut (Mamat @ Wan Mahmud, 2022, 12). Seperti ulasan artikel sebelum ini, kajian yang serupa perlu dilakukan dengan menggunakan sampel pelajar yang telah kembali ke mod pembelajaran fizikal.

Selain itu juga, sebuah kajian yang dijalankan oleh Suzyliana Mamat (2017), kajian lapangan ini bertujuan melihat tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar di Kolej Universiti Islam Melaka. Subjek adalah seramai 90 orang pelajar dalam lingkungan umur 17 hingga 21 tahun yang merupakan pelajar di Kolej Universiti Islam Melaka. Alat kajian yang digunakan adalah berbentuk borang soal selidik yang mengandungi dua bahagian bahagian A dan B. Bahagian A mengandungi soalan berkaitan dengan faktor demografi seperti jantina, tempat tinggal dan bangsa. Bahagian B mengandungi soalan bagi mengukur tahap kecerdasan emosi. Soal selidik ini dibina oleh Boyantzis, Goleman dan HayMcBar dimana ujian ini adalah untuk mengukur Tahap Kecerdasan Emosi (Boyantzis et.al 1999). Set soal selidik yang telah ditadbir kemudiannya dianalisis menggunakan Pakej Statistik Package for the Social Science (SPSS) untuk menganalisis data deskriptif. Data faktor demografi telah dikumpul dengan mendapatkan taburan kekerapan dan peratusan mudah. Dapatan kajian menunjukkan tahap kecerdasan emosi pelajar berada pada tahap sederhana. Begitu juga tahap kecerdasan emosi berdasarkan faktor jantina, tempat tinggal dan bangsa yang menunjukkan peratusan yang paling tinggi berada dalam tahap sederhana.

Jadual 1: Demografi

Demografi		Bilangan (N)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	22	20.0
	Perempuan	88	80.0
Tempat Tinggal	Bandar	55	50.0
	Luar Bandar	55	50.0
IPT	Awam	46	41.8
	Swasta	64	58.2
Umur	19- 21 tahun	55	50.0
	22 – 24 tahun	49	44.5
	25 tahun ke atas	6	5.5
Jumlah		100	100

Analisis Inferensi

Hipotesis 1: Terdapat hubungan antara kecerdasan emosi dengan tekanan pelajar.

Jadual 2: Korelasi Antara Kecerdasan Emosi Dengan Tekanan Pelajar

Pemboleh ubah	Tekanan (r)
Kecerdasan Emosi	-.434*

* $k < .05$

Jadual 2 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan tekanan dalam kalangan pelajar iaitu nilai $r = -.434$, $k < .05$. Oleh itu, hipotesis diterima.

Walaupun bagaimanapun, hubungan antara kecerdasan emosi dengan tekanan adalah lemah. Analisis juga mendapati hubungan kecerdasan emosi dengan tekanan adalah berhubung negatif iaitu semakin tinggi kecerdasan emosi, semakin rendah tekanan.

Berdasarkan hasil kajian ini, menunjukkan hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan tekanan dalam kalangan pelajar. Keputusan kajian ini selari dengan oleh hasil kajian Daulay dan Mirwan (2021) iaitu pembelajaran secara dalam talian telah memberi kesan negatif terhadap prestasi akademik sesetengah pelajar. Menurut penemuan mereka, pelajar yang menggunakan pembelajaran dalam talian mengalami tekanan akademik tahap sederhana hingga tinggi. Tekanan akademik dan kecerdasan emosi mempunyai hubungan yang positif, menurut penyelidikan.

Tekanan akademik pelajar berkurangan ke tahap yang lebih tinggi apabila kecerdasan emosi mereka lebih tinggi. Tetapi dalam kajian Stankovska et al (2018) yang menunjukkan kecerdasan emosi didapati mempunyai kaitan dengan kebimbangan peperiksaan dan tekanan akademik yang dialami oleh pelajar universiti, serta pencapaian akademik yang dicapai oleh individu tersebut di dalam bilik darjah.

Di samping itu juga, sebuah kajian telah dilaksanakan pada tahun 2020, berkenaan dengan hubungan antara kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual dan persekitaran keluarga dengan stres akademik murid sekolah menengah di Tawau, Sabah. Kajian tersebut mendapati bahawa ketiga-tiga pemboleh ubah; kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual dan persekitaran keluarga mempengaruhi stres akademik sebanyak 44% manakala selebihnya dipengaruhi oleh faktor-faktor lain yang tidak dikaji dalam kajian ini (Ahmad & Ambotang, 2020). Keputusan ini walau bagaimanapun, dipengaruhi oleh kematangan sampel dalam menjawab instrumen dan juga kefahaman sampel terhadap item-item dalam instrumen.

Hipotesis 2: Terdapat perbezaan kecerdasan emosi mengikut tempat tinggal.

Jadual 3: Perbezaan kecerdasan emosi mengikut tempat tinggal

Item	Jantina	N	Min	Dk	T	P
Kecerdasan Emosi	Bandar	55	127.16	108	2.061	.042*
	Luar bandar	55	122.22			

Merujuk kepada Jadual 3 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan kecerdasan emosi mengikut tempat tinggal pelajar. Nilai t bagi kecerdasan emosi adalah $t(108)=2.061$, $k<.05$. Nilai min menunjukkan perbezaan di antara pelajar bandar lebih tinggi berbanding pelajar luar bandar. Maka, hipotesis diterima.

Hasil kajian ini selari dengan kajian Tee Bee Fong (2007) yang bertujuan meninjau tahap kecerdasan emosi pelajar-pelajar berdasarkan dua buah Institusi Pengajian Tinggi Malaysia iaitu sektor awam dan swasta. Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk melihat perbezaan tahap kecerdasan emosi pelajar-pelajar berdasarkan faktor jantina, institusi pengajian, jurusan pengajian, tahun pengajian dan tempat tinggal asal. Seramai 120 orang responden telah dipilih menggunakan metod persampelan rawak. Keputusan kajian memperlihatkan bahawa tidak wujud perbezaan tahap kecerdasan emosi antara pembolehubah seperti jantina, tahun pengajian, jurusan pengajian dan tempat tinggal asal. Ini bermakna tahap kecerdasan emosi pelajar-pelajar adalah saling tidak berbeza walaupun mereka dari latar belakang yang berbeza. Walau bagaimanapun keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kecerdasan emosi diantara pelajar IPTA dan IPTS. Tetapi hasil kajian ini tidak selari dengan kajian yang dilakukan oleh Nicholas R. Harrod & Scott D. Scheer dalam kajiannya *An Exploration of Adolescent Emotional Intelligence in Relation to Demographic Characteristics* yang dibuat ke atas 200 orang remaja berusia 16-19 tahun. Didapati tidak signifikan diantara kecerdasan emosi remaja dengan lokasi tempat tinggal. dan umur. Skor kecerdasan emosi adalah berbeza antara remaja lelaki dan perempuan, dimana remaja perempuan menunjukkan kecerdasan emosi lebih tinggi.

Hipotesis 3: Terdapat perbezaan tekanan mengikut Institut Pengajian Tinggi (IPT) pelajar.

Jadual 4: Perbezaan tekanan mengikut Institut Pengajian Tinggi (IPT) pelajar.

Item	IPT	N	Min	Dk	T	P
Tekanan	Awam	46	124.02	108	-.464	.320
	Swasta	64	125.17			

$k>.05$

Hasil analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tekanan mengikut Institut Pengajian Tinggi (IPT) pelajar. Nilai t bagi tekanan pula adalah $t(108) = -.464, k > .05$. Nilai min antara IPT awam dan swasta juga tidak mempunyai perbezaan yang ketara antara kedua-dua pembolehubah tersebut. Oleh itu, hipotesis ditolak.

Berdasarkan kajian yang dilakukan kepada seramai 400 orang pelajar dari sebuah institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia dipilih melalui kaedah persampelan rawak mudah. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap tekanan pelajar dan mengenal pasti pengaruh jantina dalam menentukan tahap tekanan pelajar. Kajian mendapati bahawa seramai 340 pelajar (85%) mengalami tekanan pada tahap sederhana. Selain itu, tidak terdapat perbezaan antara jantina lelaki dan perempuan dalam menentukan tahap tekanan pelajar. Kajian ini amatlah signifikan dalam mengetahui tahap tekanan pelajar semasa pandemik ini. Ia boleh dijadikan sebagai garis panduan terutamanya kepada institusi pendidikan dalam mengatur strategi bagi membantu dalam meningkatkan dan mengekalkan kegembiraan pelajar.

Dalam kajian iaitu perkaitan antara kecerdasan emosi, kebimbangan sosial, dan tekanan juga ditemui oleh Cejudo et al (2018) dalam responden remaja. Menurut kajian, kecerdasan emosi pelajar memberi kesan kepada kesejahteraan keseluruhan mereka. Tahap kecerdasan emosi yang tinggi akan dikaitkan dengan tahap kesejahteraan yang tinggi. Pelajar akan mendapat manfaat daripada peningkatan kesejahteraan dari segi mengekalkan tahap kebahagiaan dan tekanan mereka. Tambahan pula, pelajar yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi akan lebih memahami orang dan mengembangkan kebolehan hubungan interpersonal yang lebih kukuh (Cejudo et al., 2018). Onen dan Ulusoy (2015) juga menyatakan bahawa pelajar kecerdasan emosi yang tinggi akan mempunyai sikap belajar yang lebih baik yang akan membantu mereka dalam mengekalkan kesihatan mental yang baik. Ini menunjukkan kecerdasan emosi yang tinggi membantu memberi kestabilan kepada kesejahteraan emosi seseorang akibat kebimbangan dan tekanan yang dihadapi.

CADANGAN

Berdasarkan hasil kajian yang telah didapati dalam kajian ini, terdapat beberapa cadangan dan saranan yang dapat dikemukakan serta penambahbaikan bagi pihak-pihak yang berperanan dan bertanggungjawab untuk mengawal kecerdasan emosi dan tekanan dalam kalangan pelajar ketika Pandemik wabak COVID-19.

Antara cadangan untuk penambahbaikan hasil dari kajian ini adalah, memperluaskan lagi skop kajian iaitu bukan sahaja fokus di Melaka tapi diseluruh Malaysia. Ini kerana akan dapat meramaikan lagi jumlah responden dan seterusnya akan dapat menghasilkan hasil kajian yang lebih luas.

Selain itu juga, kajian ini juga dapat diperluaskan dengan mencari responden yang berbeza peranan. Contohnya responden bukan sahaja dari kalangan pelajar tetapi responden juga dari kalangan ibubapa, pekerja swasta dan kerajaan dan juga golongan yang menghadapi krisis masalah pekerjaan ketika pandemik COVID-19.

Disamping itu juga, pihak-pihak yang menyediakan perkhidmatan pendidikan seperti dari kanak-kanak sehinggalah dewasa seperti Sekolah Rendah, Sekolah

Menengah, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/S) perlu memainkan peranan yang sangat penting untuk menjaga kesejahteraan psikologi dalam kalangan pelajar. Ini kerana, ketika pandemik COVID-19, semua pelajar mengalami proses adaptasi pembelajaran dari bersemuka kepada alam maya dan sebahagian besar dari pelajar mengalami tekanan yang tinggi yang sangat memerlukan sokongan orang sekeliling terutama keluarga terdekat amat diperlukan.

Akhir sekali, cadangan dan saranan kepada individu yang terlibat iaitu golongan pelajar yang menjadi fokus utama kajian ini. Sebagai pelajar, peranan untuk mengetahui gangguan kesihatan mental sangat penting. Contohnya gangguan dari segi tekanan dalam kajian ini. Jika pelajar merasakan emosi tidak normal dari hari sebelumnya, maka pelajar perlu mengambil langkah berjaga-jaga dengan berjumpa dengan kaunselor sekolah untuk mengetahui lebih lanjut tahap kesihatan mental yang sedang dialami. Guru-guru atau para pensyarah juga mengambil berat kepada pelajar yang telah menunjukkan simptom-simptom kesihatan mental terganggu supaya masalah tekanan dalam kalangan pelajar dapat diatasi.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, masalah tekanan ini akan dapat dirasai oleh semua golongan. Bezanya adalah cara mengatasi dan pengawalan dalam diri sahaja berbeza. Oleh itu, semua pihak dari golongan kanak-kanak sehinggalah warga emas, perlu diterapkan ilmu-ilmu psikologi dan kaunseling serta pegangan agama yang kuat akan dapat mengatasi masalah tekanan. Tambahan pula, hasil kajian ini mendapati hubungan antara kecerdasan emosi dengan tekanan adalah berhubungan negatif iaitu semakin tinggi kecerdasan emosi, semakin rendah tekanan. Ini menunjukkan bahawa, apabila seorang pelajar mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi, maka pelajar tersebut dapat mengawal tekanan dalam dirinya.

RUJUKAN

- Andang Andaiyani Binti Ahmad & Abdul Said Bin Ambotang (2020). Pengaruh Kecerdasan Emosi, Kecerdasan Spiritual dan Persekitaran Keluarga Terhadap Stres Akademik Murid Sekolah Menengah 1. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 5, Issue 5, (page 12 - 23)
- Agustian, A.G. (2001). Kecerdasan Emosi Dan Spiritual: Rahsia Sukses Membangun Kecerdasan Emosi Dan Spiritual. Indonesia: Penerbit Arga.
- Chandra, Y. (2021). Secara atas talian education during COVID--19: perception of academic stress and emotional intelligence coping strategies among college students. *Asian Education and Development Studies*, 10(2), 229–238. <https://doi.org/10.1108/AEDS-05-2020-0097>
- Che Su Mustafa, Nuredayu Omar & Munif Zarrirudin Fikri Nordin (2010). Antecedan Kecerdasan Emosi, Kecerdasan Spiritual dan Kecerdasan Emosi Spiritual (ESQ) dalam Kalangan Pelajar Sekolah Berasrama Penuh dan Institusi Pengajian Tinggi. *Journal of Techno-Social*, 82.

- Ciarrochi, J., Deane, F. P., & Anderson, S. (2002). Emotional Intelligence Moderates the Relationship Between Stress and Mental Health. *Personality and Individual Differences*, 32, 197 – 209.
- Daulay, N., & Mirwan, H. (2021). The Emotional Intelligence and Academic Stress in Aliyah Madrasa Students during the COVID--19 Pandemic. *Proceeding International Seminar of Multicultural Psychology (ISMP 1st)*, 96–102.
- Enns, A., Eldridge, G. D., Montgomery, C., & Gonzalez, V. M. (2018). Perceived stress, coping strategies, and emotional intelligence: A cross-sectional study of university students in helping disciplines. *Nurse Education Today*, 68, 226–231. <https://doi.org/10.1016/j.nedt.2018.06.012>.
- Feldman, J. & Mulle, M. (2009). Put emotional intelligence to work; equip yourself for success. Alexandria, Virginia: ASTD Press.
- Ferlis B. Bullare @ Bahari, Balan Rathakrishnan & Rosnah Ismail (2009). Sumber stres, strategi daya tindak dan stres yang dialami pelajar universiti. *Jurnal Kemanusiaan* bil.13
- Iqbal, J., Ashraf, M. A., & Asghar, M. Z. (2021). The Effect of Emotional Intelligence and Academic Social Networking Sites on Academic Performance During the COVID--19 Pandemic. *Psychology Research and Behavior Management*, 14, 905–920. <https://doi.org/10.2147/PRBM.S316664>.
- Johari, M. A., & Ahmad, S. (2019). Persepsi tekanan akademik dan kesejahteraan diri di dalam kalangan pelajar universiti di Serdang, Selangor. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 5(1), 24-36.
- Laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi. (2019). Kementerian Kesihatan Malaysia. Capaian pada 15 Mac2022 daripada http://iku.moh.gov.my/images/IKU/Document/REPORT/NHMS2019/Fact_Sheet_NHMS_2019-BM.pdf.
- Lazarus, R. S. (1966). *Psychological Stress And The Coping Process*. New York, NY: McGraw-Hill.
- Matthews, G., Zeidner, M., & Roberts, R. (2017). *Emotional Intelligence, Health, and Stress*. 10.1002/9781118993811.ch18.
- Muhammad Wafi Ramli & Sharifah Rohayah Sheikh Dawood (2020). Faktor Tekanan Dalam Kalangan Pelajar Universiti Sains Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Journal of Social Sciences and Humanities UKM*.
- Noor Afzaliza.et.all. (2022). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* (e-ISSN: 2504-8562), Volume 7, Issue 4, e001431.
- Önen, A. S., & Ulusoy, F. M. (2015). The Effect of the Emotional Intelligence Level of High School Students on their Study Attitudes. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 191, 2351–2354. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.04.609>.
- Samsudin, S. & Tan, K. C. H. (2016). Hubungan Antara Tahap Kesihatan Mental dan Prestasi Pelajar Sarjana Muda: Satu Kajian di Universiti Utara Malaysia. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 14(1), 11-16.
- Sanjeev K. & Bhukar, J. P. (2013). Stress Level and Coping Strategies Of College Students. *Journal of Physical Education and Sports Management*. 4 (1), 5-11.

- Stankovska, G., Dimitrovski, D., Angelkoska, S., Ibraimi, Z., & Uka, V. (2018). Emotional Intelligence, Test Anxiety and Academic Stress among University Students. *Bulgarian Comparative Education Society (BCES)*, 16, 157–164.
- Suzyliana Mamat. (2017). Tahap Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Remaja Di Kolej Universiti Islam Melaka. *Jurnal Sains Sosial*. Edisi 1. Vol. 1.115-136
- Tee Bee Fong. (2007). Tahap Kecerdasan Emosi Pelajar-Pelajar diantara IPTA dan IPTS. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Zohar, D. & Marshall, I. (2000). *Spiritual Intelligence: The Ultimate Intelligence*. London: Bloomsbury.